

BH 12/3/17

Pengganans menyamar sebagai pelancong

➔ Eksploitasi kemudahan masuk Malaysia tanpa visa

Oleh Faris Fuad
faris.fuad@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Majoriti ahli kumpulan pengganans asing atau Foreign Terrorist Fighters (FTF) menyusup masuk ke negara ini dengan menyamar sebagai pelancong.

Sumber berkata, mereka yang berusia antara 20-an hingga 40-an berasal dari Indonesia, Filipina, Iraq, Russia, Maldives dan beberapa negara di Asia Barat.

Katanya, kemudahan memasuki Malaysia tanpa visa antara faktor utama individu terbabit memilih negara ini sebagai destinasi transit dan pangkalan logistik mereka.

"Ahli FTF terbabit tidak memerlukan visa untuk memasuki negara ini dan ini memudahkan pergerakan mereka. Individu terbabit juga memilih Malaysia kerana sebahagian besar pen-

uduk negara ini adalah umat Islam," katanya pada BH, semalam.

Semalam, BH melaporkan kumpulan pengganans asing dikesan cuba menjadikan Malaysia destinasi transit dan pangkalan logistik dengan menyusup masuk menggunakan pelbagai cara selepas kekalahan Daesh di Syria dan Iraq.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun, dilaporkan berkata siasatan mendapati mereka masuk dengan mengeksploitasi kemudahan pengajian, berkahwin dengan rakyat tempatan, menggunakan dokumen palsu atau sah dan menjalankan perniagaan di negara ini.

Pangkalan lancar serangan

"Kehadiran mereka boleh menjurus kepada Malaysia menjadi pangkalan untuk menyerang negara ketiga atau melancarkan serangan di Malaysia," katanya.

Sementara itu, Presiden Transparency International Malaysia (TI-M), Datuk Seri Akhbar Satar, ketika mengulas mengenai eksploitasi kemudahan pengajian, berkata pihak pengurusan universiti swasta perlu memeriksa secara menyeluruh latar belakang pelajar baharu terutama dari luar negara.

Beliau yang juga penganalisis jenayah tidak menolak kemungkinan beberapa universiti swasta yang bersifat materialistik menjadi antara punca isu

itu dipandang ringan.

"Pihak universiti kena periksa jika pelajar yang ingin mendaftar ada motif lain.

"Bukan hanya setakat mengetahui nama dan umur, pihak terbabit perlu membuat kajian mengenai latar belakang ahli keluarga serta aktiviti mereka sebelum ini.

"Menyentuh isu materialistik, ia satu perkembangan yang tidak sihat. Jangan kerana wang, keselamatan negara digadaikan," katanya.

Sementara itu, Pensyarah Pusat Kajian Timur-Barat University of Hawaii Amerika Syarikat, Prof Madya Dr Mohd Mizan Mohd Aslam, berkata ahli kumpulan pengganans mengambil kesempatan mengahwini wanita Malaysia kerana mereka mudah tergoda dengan lelaki berdarah kacukan.

Beliau yang juga Pengarah Institut Kajian Strategik Malaysia (MyRISS) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) berkata, ia



Kehadiran mereka boleh menjurus kepada Malaysia menjadi pangkalan untuk menyerang negara ketiga"

Mohamad Fuzi Harun,
Ketua Polis Negara

secara tidak langsung memberi akses mudah kepada ahli itu untuk menyebarkan ideologi dan fahaman sesat kepada masyarakat setempat.

"Wanita di Malaysia mudah tergoda dengan rupa paras Arab dan perwatakan alim. Ia sering dijadikan umpan melalui taktik perkahwinan," katanya.



Keratan akhbar
BH, semalam.